

SELASA, 14 JANUARI 2025

- **Palm Link**
Palm Link 14 Januari 2025. Sila rujuk lampiran.
- **PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN UP.7.2.3: ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM**
Dilampirkan Surat Edaran dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.3: Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam rujukan JPA.100-1/4/1(57).
Sumber: Unit Sumber Manusia (USM)
- **PENUTUPAN SEMENTARA HUMAN RESOURCES SYSTEM (HRS)**
Dimaklumkan bahawa akses kepada *Human Resources System (HRS)* akan ditutup buat sementara waktu sehingga **15 Januari 2025 (Rabu)** bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang dijalankan. Tujuan penyelenggaraan ini dijalankan adalah untuk menambahbaik kebolehcapaian kepada sistem tersebut.
Sehubungan dengan itu, anggota MPOB boleh berhubung dengan Unit Sumber Manusia bagi sebarang urusan yang berkaitan.
Segala kesulitan yang dihadapi amat dikesali.
Sumber: Unit Sumber Manusia (USM)
- **JEMPUTAN KE SESI PERKONGSIAN ILMU BIL. 1/2025: DASAR AGRIKOMODITI NEGARA 2021 - 2030 (DAKN2030)**
Dimaklumkan bahawa Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) akan menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu Bil. 1/2025 bertajuk **Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030)** seperti ketetapan berikut:
Tarikh : 16 Januari 2025, Khamis
Masa : 10.00 pagi - 12.00 tengah hari
Pautan:
<https://meet.google.com/cdx-okwg-ymu> or dial: (US) +1 414-909-5713 PIN: 364 682 682#
Sesi Perkongsian Ilmu kali ini akan disampaikan oleh **Encik Wan Mohd Fahirusyah bin Wan Mohd Rasyid, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Unit Dasar dan Strategik, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (PSA), Kementerian Perladangan dan Komoditi**. Sehubungan itu, semua anggota MPOB yang berminat dan berkelapangan adalah dijemput untuk bersama-sama menyertai program ini. Pendaftaran akan dibuka seawal 15 minit sebelum program berlangsung.
Poster adalah seperti dalam lampiran.
Sumber: Unit Latihan & Pengurusan Persidangan (ULPP)
- **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-42 PUSPANITA MPOB**
Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-42 akan diadakan seperti ketetapan berikut:
Tarikh : 24 Januari 2025, Jumaat
Masa : 8.30 pagi - 11.30 pagi
Tempat : Dewan Bactris, Ibu Pejabat MPOB
Pakaian : Baju Rasmi PUSPANITA
**Jualan gerai akan diadakan di ruang legar Bangunan PMS
Atur cara majlis perasmian dan agenda mesyuarat adalah seperti dalam lampiran.
Sebarang cadangan usul boleh emel kepada Pn. Norhaliza Kasmuri (ejja@mpob.gov.my) sebelum atau pada 17 Januari 2025 (Jumaat).
Sumber: PUSPANITA MPOB